



# UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (UPNM)

## KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) di bawah bidang yang berkaitan dan pendaftarannya masih lagi berkuatkuasa bagi tawaran seperti berikut:-

No. Ruj. & Tajuk Tender	Kelayakan, Taraf & Jenis Tender	Tarikh Taklimat & Lawatan Tapak	Harga Dokumen Tender
<b>UPNM(PB)03.03/01 (2012) (2)</b> - KONTRAK BERMASA UNTUK PENYELENGGARAAN KERJA-KERJA AWAM DAN BANGUNAN DI UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA, KEM SUNGAI BESI, KUALA LUMPUR UNTUK TEMPOH DUA (2) TAHUN	PKK Kelas : D Kepala I Sub-Kepala 1  <b>DAN</b> Kepala 1 Sub-Kepala 8(b) Berdarbasar LPIPM(CIDB) Gred G2 ke atas	Taklimat & Lawatan Tapak adalah <b>diwajibkan</b> iaitu berkumpul di <b>Bilik Mesyuarat JPP</b> pada <b>5 April 2012 jam 10.00 pagi.</b> (yang telah berdaftar dengan UPNM sahaja)	<b>RM150.00</b> (Tidak akan dikembalikan)
<b>UPNM(PB)03.03/01 (2012) (3)</b> - PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN DAN PENCUCIAN BANGUNAN-BANGUNAN UTILITI DAN PENYELENGGARAAN KOLAM RENANG DI UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA, KEM SUNGAI BESI, KUALA LUMPUR	Kementerian Kewangan (KKM) Kod Bidang 220401 <b>DAN</b> 220402 <b>DAN</b> 220405  <b>Jenis Tender</b> Taraf Bumiputera	Taklimat & Lawatan Tapak adalah <b>diwajibkan</b> iaitu berkumpul di <b>Pavilion Padang Bola/Ragbi UPNM</b> pada <b>3 April 2012 jam 10.30 pagi</b> (yang telah berdaftar dengan UPNM sahaja)	<b>RM150.00</b> (Tidak akan dikembalikan)

Dokumen Meja Tender boleh disemak di Jabatan Pembangunan & Penyelenggaraan selepas menghadiri lawatan tapak. Dokumen tender **hanya boleh dibeli sehari selepas** lawatan tapak di Jabatan Bendahari, Aras 1, Bangunan Canselor, UPNM. Bayaran dokumen tawaran hendaklah dibayar dalam bentuk **Draf Bank/Kiriman Wang/Wang Pos** atas nama **Bendahari, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia** (bayaran ini tidak akan dikembalikan).

Kontraktor dikehendaki membawa dan mengemukakan **Sijil Asal Pendaftaran UPNM, PKK, CIDB dan KKM** berserta **salinan sijil-sijil tersebut** yang tidak akan dikembalikan semasa **Pendaftaran Lawatan Tapak** dan **Membeli Dokumen Tender.**

Dokumen tender yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender No. 1, Jabatan Bendahari, Aras 1, Bangunan Canselor, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Kem Sungai Besi, 57000 Kuala Lumpur** pada atau sebelum pukul 12.00 tengah hari, **26 April 2012** bagi tender no. **UPNM(PB)03.03/01(2011)(2)** dan **Peti Tender No. 2, Jabatan Bendahari, Aras 1, Bangunan Canselor, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Kem Sungai Besi, 57000 Kuala Lumpur** pada atau sebelum pukul 12.00 tengah hari, **24 April 2012** bagi tender no. **UPNM(PB)03.03/01(2012)(3)**. Tawaran yang lewat tidak akan dipertimbangkan.